

Memasyarakatkan mahasiswa, MPP UMS turun padang

UB 26.7.2014 B4

KOTA KINABALU: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini tampil dengan program Khidmat Komuniti dan Jelajah Ramadan sebagai usaha memasyarakatkan mahasiswa.

Menurut Pengarah Program itu Mohammad Nor Ain Wagen, antaranya MPP UMS menyediakan menu bubur ayam secara bergotong-royong untuk diagihkan kepada warga Rumah Sri Pritchard, Kinarut.

Beliau berkata, jelajah selama dua hari itu turut memberi peluang kepada MPP UMS mendekati golongan kurang



ASMARAH

upaya dengan mengadakan majlis iftar dan aktiviti riadah bersama penghuni Chesire Home Sabah, sebuah



ROMBONGAN MPP UMS yang terlibat dalam Jelajah Ramadan.



MOHAMMAD menyampaikan sumbangan kepada wakil penerima daripada Rumah Sri Pritchard.



MPP bergambar bersama penghuni Chesire Home Sabah sebelum berbuka puasa bersama.

pertubuhan orang kelainan upaya (OKU) di Likas.

“Ia juga sebagai menyahut saranan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Madya Datuk Dr Kasim Hj Mansur yang mahukan MPP memberikan contoh terbaik kepada siswa-siswi,” katanya.

Mohammad memberitahu, MPP UMS juga menyerahkan bantuan barangan keperluan dapur sebagai sebahagian daripada program khidmat komuniti untuk mangsa kebakaran di Kampung Pangkalan Kunak.

“Bantuan itu sebagai tanda keprihatinan MPP UMS dalam membantu keluarga yang terpaksa menanggung kepayahan, lebih-lebih lagi menjelang Aidilfitri,”



PRESIDEN MPP Fandy Sanizan Jurup serahkan bantuan pakaian kepada Pemimpin Pembangunan Masyarakat Kunak untuk diagihkan kepada mangsa kebakaran.

jelasnya.

Turut memberikan sumbangan dan bantuan ialah beberapa orang perseorangan,

Felda, Seranta (Felda) Negeri Sabah, Jabatan Kebajikan Kunak dan Pejabat Daerah Kunak.